

23/08/2001

Suhakam dipengaruhi pemikiran Barat: PM

Kadir Dikoh

SUBANG, Rabu - Laporan siasatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) mengenai perhimpunan haram di Lebuhraya Kesas-Jalan Kebun, November lalu banyak dipengaruhi pemikiran Barat dan bukan bagi kepentingan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Suhakam, yang mahu membuktikannya bersikap liberal, silap kerana lebih terpengaruh dengan nilai-nilai Barat sedangkan kerajaan dan polis negara ini menjaga kepentingan rakyat dengan mengambil kira hak asasi mereka.

Beliau berkata, Suhakam seharusnya memberi pertimbangan kepada keterangan polis ketika siasatan itu kerana mereka menjalankan tugas dalam keadaan tertekan bagi menangani perhimpunan haram itu.

"Itu pendapat dia (Suhakam) dan dia hanya lihat dari satu sudut dan nampak polis jahat. Kadang-kadang polis kena guna kekerasan kerana orang ini (penunjuk perasaan) juga guna kekerasan," katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari Uganda di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang, pagi ini.

Beliau mengulas laporan Suhakam yang diumumkan pesuruhjayanya, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, kelmarin yang merumuskan polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi dalam tindakannya bagi menangani kejadian itu.

Suruhanjaya itu, dalam laporan setebal 66 muka surat menyatakan, pencabulan berlaku akibat tindakan polis ketika menyuraikan perhimpunan itu, menangkap mereka yang berada di tempat kejadian dan ketika rawatan dalam tahanan.

Berikut adalah soal jawab antara wartawan dan Dr Mahathir pada sidang akhbar di pangkalan TUDM.

Wartawan: Laporan Suhakam mengenai kejadian di Lebuhraya Kesas merumus beberapa pencabulan hak asasi dan penggunaan kekerasan oleh polis terhadap mereka yang berada di tempat perhimpunan. Apa pendapat Datuk Seri?

Dr Mahathir: Itu pendapat dia (Suhakam). Kita tengoklah. Dia tengok daripada satu sudut saja, nampak polis jahat saja. Kalau kita boleh buang polis, kita tengok apa nak jadi kepada negara kita ini kalau tak ada polis. Polis kadang-kadang kena guna kekerasan kerana orang ini juga guna kekerasan. Kadang-kadang dia letak kereta dia di tengah-tengah jalan, tak nak keluarkan kunci. Benda yang semacam itu menarik tindak balas. Mereka nak jadi Malaysia ini seperti negara lain di mana demonstrasi boleh menjatuhkan kerajaan, tetapi silaplah sikat.

Wartawan: Suhakam menyatakan laporan itu dibuat berdasarkan bukti yang dikumpul ketika siasatan dengan saksi yang dipanggil.

Dr Mahathir: Polis pun bagi bukti, pendapat mereka (polis) harus diberi pertimbangan juga... mereka bekerja dalam keadaan tertekan. Ini satu fenomena baru yang bangsa Barat galak demonstrasi di jalanan. Tetapi kita tengok apa jadi di Genoa (Itali), di Seattle (Amerika), di Vancouver (Kanada) dan di lain-lain tempat, bila mereka dihadapkan dengan masalah sama, tindakan mereka lebih ganas daripada polis kita, dia pukul, dia heret.

Di Genoa, bukan saja dia (polis) tembak mati seorang, tetapi dia bawa kereta dia, dia gilis pergi balik. Itu keganasan polis. Kita tengok, adakah polis kita buat macam ini? Kita begitu bertimbang rasa. Sepatutnya polis diberi kuasa untuk guna kekerasan, tetapi apa kita buat diperbesarkan kadang-kadang oleh orang kita sendiri. Kita tak begitu

berterima kasih kepada polis yang menjaga keamanan negara kita ini.

Sebaliknya, kalau kita lihat apa yang berlaku di Genoa, sekarang ini berapa ramai telah dihadapkan ke mahkamah kerana piket, kerana polis di sana lebih ganas lagi. Demikian juga di tempat lain, walaupun mereka bertamadun tinggi dan begitu prihatin dan memikirkan tentang hak kemanusiaan, tetapi bila dihadapkan dengan masalah macam ini, tindakan mereka jauh lebih ganas.

Orang Malaysia ini nampak takut sangat, takut kalau-kalau orang putih tak puji kita... pedulikan orang putih puji, tak puji, kita nak jaga negara kita, keamanan negara kita. Saya tak peduli apa mereka kata.

Wartawan: Mungkinkah laporan Suhakam itu semacam menerima tekanan pengaruh Barat?

Dr Mahathir: Ya, mereka dipengaruhi pemikiran Barat. Mereka ingin buktikan bahawa kita ini sangat liberal, tetapi Barat adalah tidak liberal, mereka akan bertindak terhadap sebarang demonstrasi. Anda tunggu dan lihat apabila diadakan mesyuarat CHOGM (Ketua-ketua Kerajaan Komanwel) di Australia (6-9 Oktober ini), akan ada demonstrasi dan akan ada keganasan.

Wartawan: Adakah ini bermakna laporan siasatan Suhakam itu berat sebelah?

Dr Mahathir: Suhakam saya ingat dia lebih terpengaruh dengan nilai Barat. Kita jaga kepentingan rakyat kita, hak asasi rakyat kita diambil kira, tetapi kalau rakyat bertindak ganas, undang-undang mesti dikuatkuasakan.

Wartawan: Apakah tindakan kerajaan selanjutnya berkaitan dengan laporan siasatan itu?

Dr Mahathir: Saya tengok laporan itu (nanti).

Wartawan: Bagaimana pula dengan syor yang dicadangkan Suhakam dalam laporan itu?

Dr Mahathir: OK, kita tengok terhadap sebarang syor.

Wartawan: Termasuk individu yang bertindak ganas? Apakah diambil tindakan terhadap mereka?

Dr Mahathir: Kita akan tengok sama ada, ada kes atau tidak.

Wartawan: Rumusannya, adakah Datuk Seri berpendapat laporan itu berat sebelah?

Dr Mahathir: Pendeknya saya nyatakan laporan itu dipengaruhi jenis pemikiran yang dipengaruhi sumber-sumber lain. Mereka (Suhakam) tidak fikirkan kepentingan Malaysia.

Wartawan: Tetapi ahli panel Suhakam dilantik kerajaan?

Dr Mahathir: Ya... kita lantik mereka, tetapi kita mengharap mereka untuk bertindak adil, untuk memahami bahawa mereka rakyat Malaysia dan mereka harus berfikir sebagai rakyat Malaysia.

Wartawan: Apakah alasan Datuk Seri menyatakan Suhakam dipengaruhi pemikiran ala-Barat?

Dr Mahathir: Saya mempunyai sebab kerana laporan mereka seolah-olah menggambarkan lebih condong kebaratan. Ini adalah negara kita. Kita mempunyai nilai yang berbeza.

(END)